

Rabu, 18 September 2019 | 12:37pm



Timbalan Pengarah Penguatkuasa Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Rosli Ahmad (tengah) menunjukkan sebahagian dari barangan tiruan melibatkan 33 kes sitaan dibawah Akta Perihal Dagangan 2011 pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasa di Nilai. - Foto Iqmal Haqim Rosman

Barang tiruan bernilai RM1.09 juta dilupuskan

NILAI: Barangan tiruan bernilai RM1.09 juta dilupuskan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Rosli Ahmad, berkata barangan yang dilupuskan membabitkan 33 kes sitaan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Katanya, antara barangan berkenaan adalah beg tangan, beg galas, dompet, kasut, aksesori telefon, toner katrij dan arak.

"Ia pelupusan kali keenam tahun ini selepas arahan daripada mahkamah dan pengawal perihal dagangan," katanya kepada pemberita pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP di sini, hari ini.

Rosli berkata, sejak Januari hingga September tahun ini, nilai keseluruhan pelupusan yang dilakukan KPDNHEP Putrajaya, berjumlah RM4.1 juta membabitkan sebanyak 184 kes sitaan di Kuala Lumpur dan Selangor. - BERNAMA